



## KENYATAAN MEDIA

### KENYATAAN BALAS TERHADAP PENULARAN HEBAHAN PALSU IKAN TILAPIA

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah menerima satu hebahan palsu melalui media sosial *whatsapp* berbentuk poster mengenai ikan tilapia yang didakwa memberi ancaman kepada pengguna. Ikan tilapia merupakan ikan air tawar yang popular di kalangan masyarakat Malaysia selain ikan keli. Hebahan palsu terhadap ikan ini sering ditularkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab bagi menakutkan pengguna di negara ini.
2. Dakwaan mengatakan tilapia adalah ikan yang tidak bertulang dan tiada kulit juga adalah merupakan dakwaan yang tidak berasas, kerana terdapat negara seperti Brazil yang telah menggunakan kulit tilapia untuk membuat dompet, tali, beg duit, kasut dan lain-lain.
3. Melalui poster yang ditularkan itu, ikan tilapia didakwa tidak selamat untuk dimakan dan menyebabkan penyakit seperti kanser. Ikan tilapia merupakan ikan yang ditenak dengan pemberian makanan rumusan ikan menggunakan sumber protein daripada ikan dan tumbuhan. *Genetically modified* (GM) soya dan jagung telah digunakan di dalam makanan rumusan ikan bagi mengurangkan penggunaan tepung ikan dan telah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa Norway dan European Union.
4. Tumbuhan ini telah digunakan secara meluas dalam makanan rumusan salmon, tilapia dan kap. Tiada laporan secara spesifik berkaitan kesan negatif kepada manusia yang memakan ikan tilapia yang telah diberi makan GM soya atau jagung oleh FAO (*Food and Agriculture Organisation*), CODEX dan USFDA (*United States Food and Drug Administration*). CODEX, WHO dan FDA sebagai organisasi yang bertanggungjawab pasti menyedari kesan dan akibat sekiranya ikan tilapia tidak selamat kepada pengguna.

5. Dakwaan bahawa tilapia mengandungi dioxin iaitu sejenis bahan sampingan yang terbentuk melalui hasil proses kimia juga sebenarnya, ia boleh terhasil daripada kejadian semula jadi seperti letusan gunung berapi dan kebakaran hutan. Ikan yang ditenak di dalam air yang tercemar dengan bahan ni akan menyebabkannya berkumpul di dalam isi ikan tersebut, tidak mengira samada ikan tilapia atau jenis ikan yang lain. Oleh itu pemilihan kawasan ternakan yang bebas daripada bahan kimia ini, adalah penting untuk mengelakkan ia daripada tercemar daripada unsur bahaya. Jabatan Perikanan juga telah memantau 200 ladang-ladang akuakultur yang mempunyai sijil myGAP dan kawalan penyakit bagi menjamin kualiti pengeluaran sumber akuakultur Negara.
  
6. Ketua Pengarah Perikanan, YBhg. Dato' Adnan bin Hussain menasihatkan orang ramai agar tidak mudah terpengaruh dengan hebahan palsu seperti ini. Penularan hebahan palsu ini dilihat boleh menjejaskan industri akuakultur negara. Jumlah pengeluaran ikan tilapia bagi tahun 2021 adalah sebanyak 37,609 tan metrik yang menyumbang kepada pendapatan Negara sebanyak RM 380 juta. Merujuk kepada Perangkaan Tahunan Perikanan Tahun 2021, pengeluaran akuakultur ikan tilapia merupakan antara penyumbang sekuriti makanan yang tertinggi selain ikan keli dan ikan patin.

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia  
Wisma Tani, Putrajaya  
Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my